

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**TAN SRI DR. ALI HAMSA DI SIDANG
MEDIA SEMPENA MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN INTEGRITI KE-13**

Berita penuh muka surat 4



CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

03 Laporan tahunan: Apa pentingnya?

NEWS / BERITA

- 04 Mesyuarat Agung Tahunan **INTEGRITI** ke-13
- 05 *U-Process: A powerful tool for a profound change in people, organisation and society*
- 06 **INTEGRITI** bantu MPSJ dan OCBC jalani ujian *Malaysian Integrity Profile (MIP)*
- 07 Pembentangan Sistem *Dashboard INTEGRITI* kepada Ketua Unit Integriti
- Kunjungan Hormat **INTEGRITI** ke Pejabat YB SUK Sarawak
- 08 Integriti dan TV AlHijrah jalin kerjasama terbit Kapsul Integriti sempena Bulan Ramadhan

09 Mesyuarat bersama Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Polis Diraja Malaysia PDRM

FEATURES / RENCANA

- 10 Jangan ambil mudah isu rasuah, integriti
- 12 Membudayakan integriti melalui sastera

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu **INTEGRITI**

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di **INTEGRITI**

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Assistant Editors

Aimi Farhana Mohd Amin
Norsheeda Din

Photographers

Rosalizawati Arshad
Izal Arif Zahrudin

Contributors

Hj. Hamilye Sham Harun
Mohd Rais Ramli

Layout Designers

Azni Husairi
Aryzam Rahim

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (INTEGRITI)

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

LAPORAN TAHUNAN: APA PENTINGNYA?

Satu soalan yang sentiasa ditanyakan kepada saya, setiap kali menjelang Mesyuarat Agung Tahunan ialah, “Laporan Tahunan dah siap?”. Seolah-olah ia merupakan satu dokumen/kitab keramat yang akan menentukan hidup atau matinya sesebuah organisasi. Berlegar-legar soalan kedua dalam kepala saya juga, “Tanpa Laporan Tahunan, Mesyuarat Agung Tahunan tak boleh diadakan ke?” Respon ringkas saya, “Ya!” Dokumen laporan tahunan memang merupakan dokumen yang sangat penting dalam menentukan kelangsungan hidup sesebuah organisasi. Ia menjadi dokumen wajib ada dalam Mesyuarat Agung Tahunan mana-mana organisasi berkaitan.

Kebiasaannya pembentangan laporan tahunan akan dilakukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan secara berkala setiap tahun. Laporan tahunan ini menjadi alat yang berkuasa untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan tentang tahap “kesihatan” sesebuah organisasi. Ia juga menjadi alat untuk menyampaikan kekuatan dan strategi organisasi, prestasi organisasi, pencapaian-pencapaian utama yang dikecap oleh organisasi serta beberapa jangkaan untuk tahun yang akan datang.

Kesemua maklumat ini diolah dalam format yang mudah difahami berserta dengan gabungan visual yang menarik. Matlamat hanya satu, agar pembaca dapat memahami maksud yang ingin disampaikan, mulai dari muka surat yang ditulis dengan huruf besar ke publisiti penuh warna, berkilat serta penggunaan kertas berkualiti tinggi.

Saban tahun bermula tahun 2004, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) akan mengeluarkan laporan tahunan yang antara lain memberikan maklumat mengenai tahap “kesihatan” INTEGRITI kepada pihak-pihak berkepentingan, khususnya dan kepada masyarakat awam amnya. Tahun 2016 sememangnya merupakan tahun yang agak sukar dan mencabar dalam usaha INTEGRITI melaksanakan amanah yang diletakkan di bahunya. Misalnya dalam kekangan bajet serta sumber manusia terhad, INTEGRITI telah berjaya meletakkan dirinya sebagai sebuah institusi rujukan dan pemikir perdana dalam hal-hal berkaitan integriti di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan secara perkongsian pintar dengan pelbagai rakan strategik yang mempunyai matlamat dan objektif yang sama iaitu untuk terus menyuburkan budaya integriti dalam masyarakat Malaysia. Antaranya ialah penganjaran Konvensyen Integriti Nasional 2016 yang berlangsung pada 17-18 November 2016 telah dilaksanakan dengan perkongsian kos secara 50:50 antara INTEGRITI dengan Razak School of Government (RSOG).

Namun, antara pencapaian utama yang dicapai INTEGRITI seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan INTEGRITI 2016 ialah pembangunan beberapa instrumen penting untuk mempromosikan integriti. Antaranya ialah *Malaysia Integrity Profile (MIP)* yang akan membantu organisasi mengenal pasti kecenderungan individu dalam organisasi tersebut sama ada melakukan perkara berintegriti atau tidak. Melalui instrumen ini, organisasi boleh melakukan program intervensi untuk mengatasi masalah tersebut. *Integrity Assessment Tool (IAT)* pula melihat 12 elemen seperti misi dan visi, kepimpinan, budaya organisasi, tanggungjawab sosial korporat dan sebagainya dalam melihat kerangka organisasi yang menyokong usaha integriti dan tadbir urus. Melalui IAT ini, organisasi boleh mendapatkan gambaran mengenai halangan terhadap usaha pembudayaan integriti dan mengambil tindakan sewajarnya.

Dalam tak sedar, selesai sahaja membaca pencapaian INTEGRITI seperti yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan INTEGRITI 2016, banyak sebenarnya pencapaian yang dicapai INTEGRITI dalam tahun 2016 yang lalu. Namun kejayaan-kejayaan ini bukanlah tiket untuk INTEGRITI memperlakan rentak perjalanan dalam usaha membudayakan integriti masyarakat Malaysia, malah ia menguatkan lagi semangat kami untuk terus mengalas amanah yang diberi.

Sekian,

Integriti di Hati

Zubayry Abady bin Sofian

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN INTEGRITI KE -13

Oleh Zubayry Abady Sofian

Pada 6 Jun 2017 yang lalu bertempat di Auditorium Institut Integriti Malaysia, telah berlangsung Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ke-13. YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah INTEGRITI telah mempengerusikan AGM kali ini.

Dalam mesyuarat agung kali ini juga telah diumumkan pelantikan baharu tiga Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI iaitu Datuk Dzulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (berkuat kuasa 1 Ogos 2016) bagi menggantikan Tan Sri Abu Kasim yang tamat perkhidmatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM; Dato' Sri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (berkuat kuasa 16 Januari 2017) yang menggantikan Tan Sri Zabidi; dan yang terkini Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara (berkuat kuasa 23 Februari 2017) yang menggantikan Tan Sri Ambrin Buang yang bersara pada 22 Februari 2017.

Dalam AGM ini, YBhg Tan Sri Pengerusi INTEGRITI telah memaklumkan ahli mesyuarat tentang beberapa buah program berimpak tinggi yang telah dilaksanakan dalam sambutan ulang tahunnya yang ke-13, selari dengan pelancaran PIN dan penubuhan INTEGRITI pada 23 April yang lalu.

Antaranya ialah INTEGRITI telah dijemput sebagai penguap utama pada *Federation of Malaysian Manufactures (FMM) CEO Forum: Future Pillars of Our Nation*, pada 8 April 2017, yang dihadiri oleh 1,000 orang CEO seluruh negara. Selain itu, INTEGRITI juga telah mengadakan Majlis Penghargaan Bersama Ahli-ahli INTEGRITI pada 11 April 2017; di mana Ahli INTEGRITI diberikan taklimat dan



Tan Sri Dr. Ali Hamsa ketika mempengerusikan mesyuarat

perkongsian maklumat berkenaan program-program terkini INTEGRITI.

INTEGRITI juga telah bekerjasama dengan Pustaka Negeri Sarawak dalam penganjuran Forum INTEGRITI 2017: "Menjadikan Integriti Sebagai Budaya Dalam Masyarakat", pada 17-18 April 2017, di Kuching dan Miri Sarawak, yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di peringkat negeri. Satu Perbincangan Meja Bulat mengenai Laporan Corporate Governance Watch 2016 dengan tema "Ecosystems Matter" juga telah diadakan pada 3 Mei 2017 bagi mengenal pasti isu-isu yang menyebabkan penurunan mendadak kedudukan Malaysia di dalam Laporan tersebut dan mencadangkan langkah proaktif yang perlu diambil.

Sepanjang 13 tahun beroperasi dan berhadapan dengan pelbagai cabaran, INTEGRITI juga telah memperlihatkan kesungguhan dalam menjayakan pelbagai program serta aktiviti berimpak tinggi dalam tahun 2016 dan 2017 terutama di peringkat domestik dan antarabangsa seperti Konvensyen Integriti Nasional (KIN), Persidangan Integriti Pendidikan Tinggi, *International Conference on Political Financing* dan *Global Integrity Leadership Course (GILC)*.

Beberapa instrumen baharu telah dibina untuk mempromosikan integriti seperti *Dashboard Integriti*, *Malaysian Integrity Profile*

(MIP) dan *Integrity Assessment Tool (IAT)* yang juga telah turut diperkenalkan bagi membantu INTEGRITI dalam usaha memantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) di lapangan.

Instrumen MIP ini akan membantu organisasi mengenal pasti kecenderungan seseorang individu dalam organisasi tersebut sama ada mereka cenderung untuk melakukan perkara yang berintegriti atau sebaliknya. Melalui instrumen ini, organisasi boleh melaksanakan program intervensi kepada warga kerja yang terlibat dalam usaha untuk memantapkan integriti masing-masing.

Manakala IAT pula melihat 12 dimensi dalam sesebuah organisasi seperti misi dan visi, kepimpinan, budaya organisasi, tanggungjawab sosial korporat dan sebagainya dalam melihat kerangka organisasi yang menyokong usaha-usaha integriti dan tadbir urus. Melalui IAT ini, organisasi boleh mendapatkan gambaran mengenai halangan terhadap usaha-usaha pembudayaan integriti dan tadbir urus dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pihak INTEGRITI akan memperhebatkan lagi usaha untuk mempromosikan instrumen tersebut, tanpa menjejaskan teras utama *core business* INTEGRITI iaitu memantau dan menyelaraskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) di kalangan rakyat Malaysia.

U-PROCESS: A POWERFUL TOOL FOR A PROFOUND CHANGE IN PEOPLE, ORGANISATION AND SOCIETY

By Aimi Amin



Haji Abdul Rahim during his talk

INTEGRITI in collaboration with the Malaysian Association of Educational Management and Leadership have organised an Executive Integrity Talk Session featuring Haji Abdul Rahim Aziz with the theme of “U-Process a powerful tool for a profound change in people, organisation and society” last June 21st, at Dewan Murni, INTEGRITI.

The session was moderated by Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, one of INTEGRITI

Board of Directors and also President of the Malaysian Association of Educational Management and Leadership. INTEGRITI’s President and CEO, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff and Deputy CEO, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin were also present during the session.

The session started with a brief background of the speaker, Haji Abdul Rahim Aziz who received his education from University of Malaya, Institute of Australia and his MSc in International Economics and Finance from the University of



Participants focusing on the presentation

Wales, UK. He is currently the CEO of ELD Global Sdn Bhd and have authored several books including, *Pendakian Ke Puncak Jaya* and *Mencari Keredaan Allah*.

The U-Process was developed in Massachusetts Institute of Technology (MIT) by Otto Scharmer, Joseph Jaworski and others based on 150 interviews with prominent scientist, leading entrepreneurs and thought leaders. It operates on the belief that we can gain insight into our most intractable problems, large and small, by cultivating certain capacities and the right conditions. U-Process is parallel in concept with European ‘u’ developed by Dr. Bernard Lievegoad of Netherlands Pedagogical Institute (NPI).

What makes the U-Process different from other theories is that it reflects in accordance with the Islamic Concept of Muhasabah and Hijrah. To put it simply, the concept of the U-Process is based on a belief that there are multiple ways of managing with highly complex problems, some more successful than others. An example would be, all too often, we respond to problems with solutions that we’re most familiar with; however, when faced with a more complex problems, we need to think harder and respond in a deeper, more thoughtful way.



Prof. Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid as the moderator

The U-Process outlines three “phases” that involve seven capacities of the ‘U’ movement. The three phases are ‘sensing, presencing, and realising’. To move through these three phases, we must develop and utilise seven “capacities.” A capacity can be thought of as a skill or an ability to do something. These capacities include ‘suspending, redirecting, letting go, letting come, crystallizing, prototyping and institutionalising’.

It has been successfully applied to top corporations around the globe such as INTEL, Hewlett-Packard, Royal Dutch Shell, Pricewater House Cooper and Fujitsu among others.

INTEGRITI BANTU MPSJ DAN OCBC JALANI UJIAN MALAYSIAN INTEGRITY PROFILE (MIP)

Oleh Mohd Rais Ramli

“Mencegah lebih baik daripada merawat” adalah prinsip yang seringkali diuar-uarkan dalam usaha pelbagai pihak untuk menangani permasalahan yang timbul dalam sesebuah organisasi. Dalam usaha untuk mencegah, adalah amat perlu penilaian dilakukan dengan telus dan berintegriti agar sebarang tindakan selepasnya adalah yang terbaik untuk organisasi dan juga individu. Menyedari kepentingan proses ini, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan instrumen *Malaysian Integrity Profile (MIP)*. Instrumen ini bertujuan untuk menilai kecenderungan seseorang individu dalam melakukan sesuatu tindakan agar sentiasa konsisten dengan nilai integriti.

Instrumen MIP ini juga dilihat semakin mendapat perhatian terutamanya jabatan kerajaan, badan berkanun dan juga organisasi korporat. Antara organisasi yang telah menjalankan ujian MIP ini adalah Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang telah melibatkan 130 orang calon di pelbagai peringkat perkhidmatan.



Sesi perbincangan Datuk Dr. Anis bersama-sama wakil dari OCBC

Keputusan ujian MIP ini akan memberikan maklumat iaitu profil integriti setiap individu untuk menentukan integriti, kompetensi dan produktiviti individu. Maklumat ini amat penting dalam menentukan keupayaan individu untuk menyumbang kepada organisasi.

Selain MPSJ, organisasi korporat seperti OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan OCBC AI-Amin Bank juga telah menyatakan komitmen untuk menggunakan MIP. Kedua-dua institusi kewangan ini melihat MIP sebagai satu instrumen penting dalam membudayakan integriti dan etika

dalam sesebuah organisasi. Kedua-dua Ketua Pegawai Eksekutifnya telah menjadi orang pertama yang menduduki ujian MIP. Ini menunjukkan keyakinan tinggi pihak pengurusan OCBC Bank terhadap instrumen MIP. Komitmen seperti ini jelas menunjukkan kedua-dua institusi bertekad untuk menjadikan integriti sebagai teras perkhidmatan mereka. Seterusnya, ujian MIP akan dilaksanakan kepada semua pegawai pengurusan tertinggi bank. Ini akan menambahkan keyakinan pelanggan bank dengan pegawai yang penuh berintegriti.

Dengan kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh organisasi pelbagai sektor, INTEGRITI berharap laporan keputusan MIP yang akan dikeluarkan mampu memberikan garis panduan perancangan pembudayaan integriti dalam organisasi, agar diselaraskan dengan tahap integriti individu dalam organisasi tersebut.



Sebahagian kakitangan MPSJ menduduki ujian MIP

PEMBENTANGAN SISTEM *DASHBOARD* INTEGRITI KEPADA KETUA UNIT INTEGRITI

Oleh Hamilye Sham Harun

Mesyuarat Ketua Unit Integriti (Negeri dan Jabatan/ Agensi Negeri) Siri 1 Bil. 1 Tahun 2017, anjuran Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah diadakan pada 9 Jun 2017 (Jumaat), bermula pukul 8.30 pagi – 12.30 tengahari, bertempat di Hotel Sunway, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada Ketua-ketua Unit Integriti (KUI) Kerajaan Negeri dan KUI dari tiga jabatan/agensi di bawah Kerajaan Negeri dari setiap negeri.

INTEGRITI telah diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau telah dijemput untuk membentangkan kertas mengenai sistem



Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff ketika menyampaikan pembentangan

Dashboard INTEGRITI yang telah dibangunkan oleh INTEGRITI, semasa mesyuarat tersebut. Lanya bertujuan sebagai perkongsian ilmu dan maklumat kepada semua KUI memandangkan sistem ini mempunyai kaitan dengan pelaporan program dan aktiviti Unit Integriti.

KUNJUNGAN HORMAT INTEGRITI KE PEJABAT YB SUK SARAWAK

Oleh Hamilye Sham Harun

Satu kunjungan hormat ke pejabat YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah diadakan pada 14 Jun 2017 (Rabu), bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, Kuching. Kunjungan hormat yang diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI dan Haji Hamilye Sham Harun adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai cadangan mengadakan *Roadshow* INTEGRITI di negeri tersebut dalam waktu terdekat. Perbincangan tersebut juga menyentuh konsep 'turun padang' dan pembentangan *Dashboard* INTEGRITI yang bakal diadakan sewaktu *Roadshow* INTEGRITI tersebut.

Seterusnya, diadakan sesi taklimat dan pembentangan berkenaan *Roadshow* INTEGRITI daripada Haji Hamilye Sham



YB Tan Sri Datuk Amar menerima kunjungan hormat daripada INTEGRITI

yang dipengerusikan oleh YBhg. Timbalan SUK Negeri Sarawak.

Secara dasar, Pejabat SUK Negeri Sarawak telah bersetuju untuk melaksanakan program ini dan menyokong sepenuhnya untuk bekerjasama dengan INTEGRITI sambil menyatakan program ni dapat meningkatkan lagi pembudayaan integriti di dalam 'Sarawak Civil Service Transformation Framework' secara inklusif. Tarikh cadangan daripada Pejabat SUK Negeri Sarawak adalah pada bulan September 2017.

INTEGRITI DAN TV ALHIJRAH JALIN KERJASAMA TERBIT KAPSUL INTEGRITI SEMPENA BULAN RAMADHAN

Oleh Norsheeda Din

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menjalinkan kerjasama dengan stesen TV AlHijrah bagi menerbitkan video kapsul integriti untuk ditayangkan bersempena dengan bulan Ramadhan. Inisiatif awal ini telah digerakkan oleh Portfolio Institusi Agama INTEGRITI dengan kerjasama INTEGRITI.TV.

Dengan pemilihan tema kapsul iaitu 'Puasa dan Integriti', ianya amat bersesuaian dengan sasaran penonton TV AlHijrah iaitu meliputi semua lapisan umur, bagi penonton Islam dan bukan Islam. Bertepatan dengan objektif penubuhan stesen ini iaitu menyediakan sebuah platform tv untuk mendidik, menghibur dan menyatukan ummah, pemilihan kerjasama dengan TV AlHijrah merupakan titik permulaan bagi INTEGRITI.TV sebagai *content provider* kepada industri penyiaran Malaysia.

Dalam merealisasikan projek perintis ini, seramai sepuluh individu yang terdiri dalam kalangan tokoh-tokoh agama, imam muda dan ahli akademik telah di jemput untuk membicarakan topik-topik yang telah ditetapkan. Antaranya Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md Zin, Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri dan Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia, Ustaz Halim Hafidz (Brother Iman), Imam Muda, 1M4U (*1Malaysia For Youth*) dan Prof. Madya Dr. Mohammad Azam Mohamed Adil, *International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS)*.

Penerbitan video kapsul berdurasi tiga (3) minit ini merupakan *outreach* program Institusi Agama INTEGRITI untuk mendekati dengan penonton TV AlHijrah. Menepati objektif utama penerbitan kapsul ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kepentingan pengamalan nilai-nilai integriti dalam kalangan masyarakat. Mesej-mesej yang disampaikan juga bertujuan untuk memantapkan akhlak dan nilai perilaku sebagai seorang individu yang berintegriti. Selain itu, video ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan persefahaman dan perpaduan masyarakat pelbagai agama di Malaysia.



Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md Zin



Ustaz Halim Hafidz



Prof. Madya Dr. Mohammad Azam Mohamed Adil

Lapan (8) tajuk yang telah berjaya dirakamkan iaitu berkaitan dengan Puasa dan Integriti, Produktiviti, Institusi Keluarga, Memperbanyak Berbuat Kebaikan, Bersedekah, Puasa Meningkatkan Kawalan Dalaman, Puasa : Meningkatkan Perpaduan dan Keharmonian Antara Kaum dan Puasa Benteng Gejala Sosial.

MESYUARAT BERSAMA JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD (JIPS) PDRM

Oleh Mohd Rais Ramli

INTEGRITI telah menerima kunjungan hormat delegasi Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM, yang diketuai oleh YBhg. Dato' Abdul Ghafar Rajab Pengarah JIPS PDRM, dalam usaha menjalinkan kerjasama strategik melalui perkongsian maklumat dan perancangan menangani isu-isu integriti dalam PDRM khususnya.

Perbincangan menjurus kepada beberapa instrumen integriti yang telah dibangunkan oleh INTEGRITI sebagai mekanisme penilaian dan pemantauan tahap integriti dalam kalangan anggota masyarakat dan organisasi. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, telah memperkenalkan *Malaysian Integrity Profile (MIP)* kepada delegasi JIPS sebagai satu kaedah membuat penilaian kesesuaian seseorang individu dengan tanggungjawab dan tugas yang akan diberikan diperingkat PDRM. Pada masa yang sama, Modul Integriti Penguatkuasaan yang telah dibangunkan oleh INTEGRITI dilihat sebagai satu nilai tambah terbaik untuk dilaksanakan dalam sistem latihan kadet di Pusat

Latihan Polis (PULAPOL). Pelan Integriti Organisasi PDRM (PIPDRM) adalah pelan tindakan integriti peringkat organisasi yang memerlukan pemantauan dan penilaian semasa, oleh itu telah dipersetujui supaya kerjasama ini juga membuat semakan status pelaksanaan PIPDRM sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017 yang lalu.

Selain itu, isu-isu integriti yang sedang membelenggu PDRM juga telah dibincangkan dengan cadangan untuk jalinan kerjasama berbentuk penyelidikan dan menganalisa data-data yang berkaitan bagi mencari kaedah dan jalan terbaik meningkatkan imej kepolisan dimata masyarakat.

Ternyata kunjung hormat ini telah membuka lembaran baharu bentuk kerjasama antara INTEGRITI dan PDRM ke arah menjadikan nilai integriti sebagai teras perkhidmatan PDRM. Beberapa siri perbincangan juga akan diadakan selepas ini dengan memberikan fokus kepada pelaksanaan rancangan kerjasama.



Sesi bergambar Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff bersama delegasi Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) diketuai oleh YBhg Dato' Abdul Ghaffar Rajab, Pengarah JIPS PDRM.

JANGAN AMBIL MUDAH ISU RASUAH, INTEGRITI

Temubual wartawan Berita Harian Ahad bersama Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI

Disiarkan dalam Berita Mingguan, 4 Jun 2017

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) ditubuhkan pada 23 April 2004, serentak dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Penubuhan INTEGRITI bertujuan menjadi sebuah badan penyelaras dan pemantau dengan matlamat utamanya ialah membangunkan warga Malaysia yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai murni sejagat.

Wartawan BH Ahad, Hazwan Faisal Mohamad menemubual Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff mengenai hala tuju dan perancangan masa depan institut ini.

S: Sejak mengambilalih kepimpinan INTEGRITI dua tahun lalu, apakah pembaharuan yang dilakukan oleh Datuk di institut ini?

J: Pertama saya melihat kekuatan institut ini dan merancang berdasarkan kekuatan sedia ada. Kedua saya melihat *core business* institut ini dan memberi penekanan serta fokus kepada peranan utama yang diharapkan negara. Ketiga, saya merancang berdasarkan output yang spesifik untuk mencapai matlamat melihat Malaysia menjadi sebuah negara yang berintegriti tinggi. Untuk semua itu, saya melihat perlu ada pembaharuan yang komprehensif, tindakan yang pelbagai bagi mendekati rakyat supaya mereka boleh memahami budaya berintegriti.

Banyak program baharu yang diperkenalkan, selain penganjuran seminar yang sudah biasa dibuat. Antaranya penganjuran teater dimana INTEGRITI bekerjasama dengan

Universiti Malaya pada tahun lalu mementaskan persembahan teater bertajuk Plastik Hitam yang membawa mesej berkaitan integriti.

Selain itu, tayangan filem, penganjuran pertandingan fotografi, filem pendek dan lukisan juga turut kita anjurkan. Apa yang penting dalam semua penganjuran ini, INTEGRITI bertindak sebagai pengagitasi. Hasrat kami adalah untuk menunjukkan ada pelbagai cara untuk kami mendidik masyarakat dan diharapkan agensi pelaksana dalam Pelan Tindakan Pelan Integriti Nasional akan dapat turut sama mempelbagaikan kaedah advokasi. Setakat ini, impak diberikan kami daripada apa yang kami lakukan sudah dapat dilihat sekarang. Sebagai contoh, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) menjemput kami hadir malam bacaan puisi di Rumah PENA bertemakan integriti. Malah, program syarahan *Breakfast Talk* bulanan mengenai integriti yang saya mulakan sejak dua tahun lalu juga sudah mendapat sambutan dan mendapat perhatian apabila ia kini dibuat di luar INTEGRITI seperti di FELDA pada minggu lalu. Ia juga diadakan di kementerian. Selain itu, kami juga mengadakan perbincangan meja bulat untuk mengupas perkara berkaitan integriti dengan lebih mendalam.

S: Salah satu usaha diambil INTEGRITI adalah kajian 'profiling' membabitkan setiap negeri. Mengapa ia dilakukan dan kenapa ia penting?

J: Kajian 'profiling' ini kita lakukan dari Perlis sehingga ke Sabah, pertamanya untuk kita fahami keadaan di akar umbi. Keduanya, untuk memahami masalah

integriti di setiap negeri. Bagi saya, kajian atau pemetaan ini amat penting kerana ia boleh membantu setiap negeri mengetahui dengan lebih mendalam kekurangan dan kelemahan masing-masing, sekali gus mencari langkah penyelesaian yang tepat terhadap masalah berkenaan.

Kajian ini dijalankan selama enam bulan dan INTEGRITI bertindak mengumpulkan segala data dan statistik dari setiap negeri, termasuk laporan daripada Ketua Audit Negara, kes tangkapan oleh SPRM dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan serta apakah isu dan cabaran integriti semasa di setiap negeri dan kami perincikan. Dari situ juga sebagai contoh kami boleh tahu negeri manakah yang mencatat kes rasuah paling tinggi atau agensi penguatkuasaan mana yang bermasalah.

Kajian ini akan kami bawa dan persembahkan ke setiap negeri untuk mereka faham bahawa dari pemerhatian kami, inilah perkara yang wujud pada peringkat negeri tetapi sama ada tidak diketahui sebelum ini atau tidak diambil maklum. Tujuan 'profiling' ini adalah untuk menentukan program aktiviti anjuran kerajaan dan semua pihak menepati sasaran serta dapat menyelesaikan apa juga masalah yang mendepani masyarakat.

S: Selain agensi kerajaan, adakah INTEGRITI turut membantu syarikat korporat dalam membudayakan integriti?

J: Kami membantu semua pihak. Dalam Pelan Integriti Nasional telah digariskan lapan sektor masyarakat

yang perlu diberi tumpuan dalam usaha untuk membudayakan integriti. Sektor swasta atau institusi ekonomi adalah salah satu sektor penting. Kami menerima kunjungan hormat daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak terkecuali golongan korporat. Sebagai contoh, Presiden atau Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA), Datuk (Dr) Aminar Rashid Salleh ada datang untuk bertemu dengan kami menyatakan hasrat mahu bekerjasama dengan INTEGRITI. Saya kemudian dijemput beliau untuk mengadakan perbincangan eksekutif dengan mereka. Ia membawa kepada langkah PERODUA memperkenalkan 'Dasar Tidak Menerima Hadiah'. Ini antara hasil kerjasama yang kita dapat lihat. Ini saya lihat antara usaha dilakukan syarikat ini bagi menjaga integriti syarikat. Hasil kerjasama INTEGRITI dengan agensi seperti ini membolehkan INTEGRITI memperluaskan lagi usahanya untuk memperkenalkan integriti di setiap agensi dalam negara.

Selain PERODUA, INTEGRITI juga sudah bekerjasama dan berjumpa dengan banyak syarikat korporat lain antaranya Top Glove, PETRONAS, KWSP, Bank OCBC dan Bank Muamalat. INTEGRITI memainkan peranan sebagai pemudah cara kepada pihak yang berminat untuk melaksanakan dasar pemupukan integriti di organisasi masing – masing.

S: INTEGRITI juga menjadi pusat rujukan dan menjadi sekretariat Jawatankuasa Konsultatif Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP). Apakah status sekarang?

J: Rata-rata parti politik bersetuju dengan 32 cadangan yang dikemukakan jawatankuasa ini walaupun ada sebahagian kecil berpendirian sebaliknya. Ketika ini, JKNMPP sudah menghantar kertas nota kepada Kabinet bagi menubuhkan satu jawatankuasa yang akan merangka satu undang-undang berdasarkan 32 cadangan itu.

Jawatankuasa ini lebih teknikal, saya tidak tahu berapa lama masa yang akan diambil bagi menyiapkan draf ini. Kerja asal kami sudah selesai. Susulan itu, kami sudah dijemput untuk terbabit sama dalam jawatankuasa draf ini, kami sedia membantu. Kami di INTEGRITI melihat akta atau undang-undang ini penting. Kami ingin melihat ia akan digubal dan dibawa ke Parlimen kelak.

S: Masalah persepsi rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia masih di tahap tinggi. Pada pandangan Datuk, mengapa ia masih berlaku dan apakah langkah penyelesaian?

J: Persepsi rasuah ini bukan perkara baharu, malah sudah wujud sekian lama. Kita perlu bertanya kepada diri sendiri – kita perlukan sebuah negara seperti yang mana? Mahukan negara yang membenarkan rasuah itu berlaku atau negara yang tidak mahu rasuah walau sedikit mana pun. Untuk membina satu kefahaman bahawa rasuah itu haram dalam apa-apa konteks sekali pun termasuk di dalam agama, ini adalah cabaran kami.

Selain itu, seperkara yang ingin saya cuba fahami ialah mengenai kenapa orang Melayu Islam, jika berkaitan babi sangat sensitif, tetapi berkaitan duit melalui rasuah ini mengapa ia tidak dilihat sama.

Sebenarnya rasuah lebih teruk daripada babi. Kerana implikasi rasuah boleh menghancurkan negara. Oleh itu, kita perlu menolak rasuah habis – habisan walaupun satu sen. Kerana itu, persepsi jika tidak ditangani dan diuruskan dengan baik, akan menjadi reality. Sebab itu, pada saya, persepsi itu kalau kami terlalu digembar – gemburkan, masalah memang sudah ada, tetapi lebih baik penyelesaiannya dibuat secara pencegahan, mendidik masyarakat supaya mereka sedar jika masalah rasuah ini tidak ditangani, ia akan menjadi barah.

Ambil contoh Negara Somalia, jika

dilihat kedudukan mereka dalam indeks rasuah, negara ini adalah di bawah sekali. Begitu juga dengan indeks lain, Somalia berada pada kedudukan yang tercorot. Sebuah lagi negara adalah Zimbabwe, yang merdeka pada 1980-an. Keadaan negara ini sangat teruk disebabkan rasuah. Mata wang mereka sudah tidak laku. Malah rakyat mereka digelar 'billionair kebuluran'. Biarpun mempunyai wang berbilion, masih tidak mampu membeli makanan kerana mata wang yang sudah tidak bernilai. Semua ini disebabkan rasuah yang teruk. Malaysia juga boleh menjadi seperti negara itu jika terus membiarkan rasuah berleluasa tanpa ada sebarang tindakan diambil.

S: Harapan Datuk terhadap perkembangan integriti di Malaysia pada masa akan datang?

J :Saya amat positif melihat usaha yang kami mulakan ini menunjukkan perkembangan menggalakan. Sebagai contoh, apabila kami memanggil guru prasekolah untuk membantu kami menyediakan modul untuk TADIKA dan mereka datang secara sukarela tanpa meminta habuan. Mereka berkampung di sini untuk membuat modul, buat lagu, melatih guru. Apabila kami membuat projek perintis, kami tanya perubahan dialami sebelum dan selepas program integriti ini dilakukan di TADIKA berkenaan. Kami dapat maklumbalas yang positif apabila kanak-kanak itu membetulkan ibu bapanya di rumah mereka. Anak ini adalah pemimpin masa depan negara. Elok budi dan akhlak mereka, maka eloklah masa depan negara kita. Kami juga baru selesai mengadakan projek rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT). Membina atau membudayakan integriti di bawah semangat pembabitan bersama komuniti setempat adalah usaha untuk mendapat pembabitan komuniti sebagai mata dan telinga tambahan kami memantau sesebuah projek agar ia tidak diselewengkan.

Hasil projek rintis ini menunjukkan ia diterima baik oleh penduduk, PBT dan pihak kontraktor yang dilantik PBT. Semua petunjuk ini pada saya amat positif. Semua ini adalah benih yang kami tanam dan harapan saya, terutama anak di TADIKA ini, semoga apabila mereka membesar mereka akan menjadi pemimpin berintegriti yang akan membawa Malaysia ke tahap yang

lebih tinggi dan di mana integriti sudah menjadi sebahagian budaya masyarakat kita. Pada ketika itu, kita tidak perlu ada institusi seperti ini kerana sudah tidak diperlukan lagi memandangkan integriti ini sudah menjadi amalan masyarakat. Kami boleh tumpu kepada perkara lain. Apa yang penting, adalah supaya masyarakat tidak kira pada peringkat mana harus menyatakan tidak kepada

perkara yang dilihat sebagai yang tidak berintegriti. Hanya dengan kemahuan rakyat kita akan dapat membentuk negara yang lebih baik untuk masa depan anak cucu kita. Sekiranya rakyat menginginkan rasuah, maka rasuah akan terus wujud dalam negara.

MEMBUDAYAKAN INTEGRITI MELALUI SASTERA

Oleh Anuar Ahmad

Disiarkan dalam Utusan Malaysia, 13 Jun 2017

TANGGAL 23 April lalu genaplah 13 tahun Pelan Integriti Nasional dilaksanakan di Malaysia dengan misi besar utama menjadikan masyarakat Malaysia sebuah masyarakat yang berakhlak mulia, kukuh ciri-ciri moral dan kuat pegangan agamanya.

Sesuatu yang turut membanggakan ialah keterlibatan banyak pihak terutamanya golongan penulis yang bergabung di bawah payung Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) yang turut sama komited dalam membantu negara melahirkan masyarakat yang berbudi pekerti luhur melalui karya-karya seni dan sastera.

Berbekalkan tema, Transformasi Nasional dan Sastera Kebangsaan, Hari Sastera Ke-17 telah disambut meriah dengan kehadiran para penyair dan sasterawan yang datang dari seluruh pelosok tanah air, Singapura, Brunei dan Indonesia yang berkampung di Labuan selama tiga hari baru-baru ini dengan ukhuwah persaudaraan yang begitu erat yang hanya dapat dipaparkan melalui serangkap pantun indah, karya sasterawan ulung Khadijah Hashim yang berbunyi:

Lepas hujan bertambah cendawan,

Hasil kampung pisang dan nenas,

Makan sepinggan minum secawan,

Sama berpayung hujan dan panas.

Pantun ini mencerminkan semangat persaudaraan yang dipamerkan oleh para penulis dan sasterawan yang berkampung di keheningan Pulau Labuan yang tenang dan jauh dari hiruk pikuk kota metropolitan itu. Kebetulan penulis pula diundang sebagai Ahli Panel Forum bagi membicarakan satu tajuk yang cukup relevan iaitu, Penyemaian Nilai-Nilai Murni Melalui Sastera.

Membicarakan tajuk berkenaan kepada para sasterawan serantau bukanlah satu perkara yang mudah, tambahan pula antara yang hadir adalah para penulis 'otai' yang juga 'sifu' kepada penulis sendiri seperti Datuk Dr. Zainal Kling, Datuk Zainal Abidin Borhan, Ketua Satu Gapena, Dr. A Ghafar Ibrahim dan ramai lagi. Sesungguhnya sastera dan integriti ibarat aur dan tebing dan jika

disalurkan melalui teknik latihan yang lengkap iaitu melalui kaedah audio, visual dan kinestetik mampu memberi kesan pada emosi, jiwa dan pemikiran masyarakat.

Penggunaan sastera dan falsafah sebagai cara pembentukan akhlak dan sahsiah telah bermula sejak berkurun lamanya. Seorang ahli sejarah Barat George Sarton telah membahagikan tahap pencapaian tamadun ilmu kepada beberapa zaman antaranya:

* Tahun 450 SM-500 M - Zaman Plato (tamadun Yunani);

* Tahun 600-700 M - Zaman Kecemerlangan Tamadun Cina;

* Tahun 750-1100 M - Zaman Kegemilangan Islam, dan;

* Selepas 1100 M - Zaman Kegemilangan Tamadun Barat.

Dalam sejarah keilmuan dan kesusasteraan Islam, usaha-usaha penterjemahan hasil kesusasteraan

Yunani telah digalakkan oleh Khalifah Bani Abbassiah iaitu Al Ma'mun (813-833). Seajar dengan itu Baitul-Hikmah telah ditubuhkan sebagai pusat keilmuan dan kesusasteraan Islam bagi mendidik masyarakat tentang penghayatan dan pengamalan nilai murni dalam kehidupan.

Hasil pembudayaan ilmu ini maka lahirlah cendekiawan terkenal yang bernama Al Khindi atau dikenali dalam bahasa Latin sebagai Alkhindius yang telah menterjemah semua karya ahli falsafah ulung Yunani termasuk Plato, Socrates dan Aristotle.

Sebagai Ketua Baitul-Hikmah, pengaruhnya terhadap pembudayaan ilmu dan sastera amat besar dalam kalangan umat Islam ketika itu dan mendapat kedudukan yang tinggi dalam kalangan pemerintah seperti Al Ma'mun, Al-Mu'tasim dan Al-Wathiq tetapi nasibnya berubah semasa pemerintahan Khalifah Al-Mutawakkil (847-861 M) yang kembali menyokong firqah ASWJ berbanding dengan fahaman Muktazillah yang disokong oleh pemerintah terdahulu yang mana natijahnya Al Khindi telah ditangkap, dipecat daripada mengepalai Baitul-Hikmah, dikenakan 50 sebatan di khalayak ramai dan kesemua buku dalam perpustakaananya yang dinamakan Al-Khindiyyah dirampas dan dibakar.

Kegemilangan dunia kesusasteraan Islam selepas itu dinobatkan pula oleh para penyair dan ilmuwan seperti Al-Farabi yang telah menterjemahkan karya ulung Aristotle iaitu Anima dan Physics ke bahasa Arab.

Al-Farabi yang mendapat gelaran

Aristotle Kedua menyuarakan pendapat bahawa matlamat hidup manusia ialah bagi mendapat kebahagiaan sebenar yang hanya akan dapat dicapai melalui nilai-nilai intelektual.

Seterusnya dunia keilmuan Islam dimeriahkan lagi dengan kelahiran Ibnu Sina, ahli falsafah dan perubatan ulung yang terkenal dengan karyanya, Bukti Kenabian (Proof of Prophecies).

Kegemilangan itu diteruskan pula dengan kelahiran Hujjatul Islam, Imam Abdul Hamid Al-Ghazali yang terkenal dengan karya agungnya, Ihya Al Ulumuddin dan Arbain Fi Usulludin. Kecemerlangan falsafah dan kesusasteraan Islam ini diperlengkapkan dengan kelahiran tokoh terakhir yang bernama Ibnu Rushd atau dikenali Barat sebagai Averroes.

Beliau mendapat tempat di hati kepimpinan negara Islam di Andalusia iaitu Khalifah Abu Ya'qub Yusuf. Namun demikian beliau juga menerima nasib yang sama seperti Al Khindi di zaman pemerintahan Khalifah seterusnya bila mana karyanya mengundang kritikan daripada golongan ahlul naqli hingga menyebabkan karya-karyanya dibakar dan beliau melarikan diri ke Maghribi dan meninggal dunia di sana.

Begitulah catatan sejarah dunia kesusasteraan Islam yang mendapat pengaruh begitu meluas sehingga berjaya mencorakkan firqah pemikiran dan cara hidup masyarakat ketika itu. Mudah-mudahan dunia kesusasteraan negara kita hari ini akan terus berkembang dengan kelahiran ramai para penulis

muda dengan nilai pemikiran dan hasil karya kesenian alaf baharu.

Apa yang paling utama ialah hasil-hasil karya ini kelak akan mampu mendidik manusia melalui kata-kata indah seajar dengan apa yang Allah SWT unjurkan melalui firman-Nya: "Dan ucapkanlah kata-kata yang menarik kepada manusia." (Surah al-Baqarah ayat 83). Dalam ayat yang lain Allah SWT mengulangi pesanan itu melalui firman-Nya: "Dan ucapkanlah kata-kata yang manis kepada mereka." (Surah An-Nisa ayat 5).

Perumpamaan lama mengatakan bahawa 'mata pena itu adalah lebih tajam daripada mata pedang'. Semoga hasil-hasil karya sastera kita dalam dekad-dekad yang akan datang membawa mesej utama iaitu menyeru manusia ke arah kebaikan sebagaimana pantun yang dinukilkan oleh Pendeta Zaaba, atau Allahyarham Tan Sri Zainal Abidin Ahmad (1895-1973), anak kelahiran Batu Kikir, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dalam karyanya yang bertajuk, Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri. Penulis ingin menutup bicara kali ini dengan pantun sinikal beliau yang mempunyai makna mendalam:

"Buatlah baik ayuhai kawan,


Ke dalam laut engkau campakkan,

Walaupun tidak disambar ikan,

Tuhanmu tahu ya ke bukan."

* Penulis ialah Timbalan Pengarah dan Penyelaras Program Institusi Pentadbiran Awam INTEGRITI

MORALS AND MANNERS IN ISLAM: A GUIDE TO ISLAMIC ADAB



Publisher: Islamic Book Trust


Published 2000

Author: Marwan Ibrahim al-Kaysi

A compendium of rules regulating Islamic conduct at personal, family, social and other levels. It is a brief yet comprehensive handbook for Muslims and those non-Muslims interested in acquiring a broad knowledge of the Muslim way of life.

The content is derived mainly from the Quran and the Sunnah, the main sources of Islamic jurisprudence, are listed in points format. The importance of teaching and training Muslim children to act in accordance with Islamic manners at all times and at all places cannot be overstated. It acts as a handbook to determine what manners suit a particular occasion or circumstance.

COMBATting CORRUPTION: UNDERSTANDING ANTI-CORRUPTION INITIATIVES IN MALAYSIA



Publisher: Institute for Democracy and Economic Affairs

Published: 2013

Author: Anis Yusal Yusoff et al.

This book compiles the 'history' of the fight against corruption in Malaysia and provides an overview of initiatives taken by various agencies, groups and organisations over the last few decades. This book traces the common features in these endeavours, and identify if and how they build on from each other.

The book is segmentise according to firstly, the historical overview of governance initiatives during the era of Tun Mahathir, Tun Abdullah and Dato' Sri Najib. The second chapter takes a look at the economic costs, including lowered economic growth rates, reduced levels of investments and increased wealth inequalities along with the democratic costs of corruption in Malaysia. Third chapter focuses on the examples of anti-corruption initiatives by the government, private sector and civil society organisations in Malaysia from 2004 to 2012 followed by chapter four on evaluation of the initiatives and conclusions in chapter five. The book ends with chapter six of annotated bibliography of selected books and journal articles on anti-corruption and on promoting integrity, particularly in Malaysia.

This book is designed to help key stakeholders in the fight against corruption to evaluate previous initiatives and capture the lessons from these initiatives. The authors hope that this book will provide a platform for knowledge exchange and critical discussion among those involved in promoting integrity and fighting corruption.

MESYUARAT

Mesyuarat mengenai Modul Integriti Pra Sekolah (MIPS) bersama YBhg. Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.



TEMUBUAL RADIO

Puan Roziah Harun, Penyelaras Program Kanak-kanak, Pelajar dan Belia ketika ditemubual di MySuara fm.



KUNJUNGAN HORMAT

Perjumpaan antara Datuk Dr. Anis Yusaf Yusoff dan Jeneral Dato' Sri Zulkiple Hj. Kassim, Panglima Tentera Darat.



PEMBENTANGAN *INTEGRITY ASSESSMENT TOOLS (IAT)*

Sesi pembentangan *Integrity Assessment Tool (IAT)* yang diketuai oleh Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, Timbalan Presiden **INTEGRITI** kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).



www.integrity.my

